

Tiada kompromi pelajar jadi ahli kumpulan gengster

KUALA KANGSAR – Kementerian Pendidikan menegaskan, tidak akan berkompromi dan mengadakan rundingan dengan mana-mana pelajar yang didapati terlibat dengan kegiatan kongsi gelap.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pihaknya akan menyerahkan pelajar yang melakukan jenayah tersebut kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

“Jika ada pelajar yang melakukan kesalahan jenayah, kita akan serahkannya kepada pihak polis supaya mereka diadili mengikut undang-undang.

“Kementerian melalui Jabatan Pendidikan tidak akan berunding lagi dengan pelajar sedemikian kerana elemen jenayah itu sudah wujud,” katanya.


Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen

Pendidikan 2.0 Parlimen Kuala Kangsar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di sini semalam.

Turut hadir Naib Canselor USAS, Tan Sri Nordin Kardi, Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datin Mastura Mohd. Yazid dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manong, Datuk Mohamad Kamil Shafie.

Mahdzir berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang mendedahkan 18 individu termasuk 13 pelajar ditangkap selepas dipercayai terlibat sebagai ahli kumpulan kongsi gelap Geng 24 di Klang, Selangor semalam.

Mengulas lanjut Mahdzir berkata, pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab dengan perbuatan pelajar terbahit memandangkan ia dilakukan di luar kawasan sekolah.



MAHDZIR berbual dengan pelajar yang mengikuti bengkel kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia selepas merasmikan Konvensyen Pendidikan 2.0 Parlimen Kuala Kangsar di USAS semalam.